

UNTUK EDARAN SEGERA



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PAKAIAN PETUGAS PEPERIKSAAN DAN CALON PEPERIKSAAN
YANG MENDUDUKI PEPERIKSAAN KELOLAAN
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) memaklumkan bahawa selaras dengan Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Diminta Memastikan Penjagaan Kebajikan, Kesihatan, dan Keselamatan Seluruh Warga Semasa Menghadapi Cuaca Panas yang dikeluarkan pada 19 Mac 2024, maka semua petugas peperiksaan dan calon peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), *Malaysian University English Test* (MUET), dan peperiksaan lain kelolaan MPM diberikan kelonggaran untuk memakai pakaian sukan yang sopan semasa cuaca panas berdasarkan keperluan dan situasi masing-masing.

MPM sentiasa mengambil berat tentang kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan seluruh petugas peperiksaan dan calon peperiksaan yang terlibat.

-TAMAT-

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
8 OGOS 2024**